

 PENANG

16 - 30 SEPTEMBER, 2023



PENANG  
2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

## Penyusunan portfolio selari Visi Penang2030



RAKAMAN gambar bersama-sama TYT sejurus Majlis Mengangkat Sumpah Terimaan Jawatan barisan Exco di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Seramai 10 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Negeri Pulau Pinang mengangkat sumpah terimaan jawatan pada 16 Ogos lalu.

Istiadat mengangkat sumpah berlangsung di hadapan Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dekat Dewan Sri Pinang di sini. Hadir sama pada majlis istiadat tersebut ialah isteri kepada TYT, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, YBhg. Puan Tan Lean Kee; mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor serta Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri turut hadir.

Penggal baharu ini iaitu Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 memperlihatkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menampilkan seramai lapan muka baru daripada 11 Ahli Exco yang dilantik.

Ini menyaksikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota akan mengetuai portfolio Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

ADUN Batu Maung, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid pula dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri I dan akan mengetuai portfolio Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat.

Dalam pada itu, ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo dipertanggungjawabkan sebagai Timbalan Ketua Menteri II serta akan mengetuai portfolio Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.

Pada sidang media selepas itu, Kon Yeow memberitahu bahawa penyusunan portfolio bagi setiap Exco adalah selari dengan agenda gagasan Visi Penang2030 yang akan dilaksana serta diaplikasikan dengan sebaik mungkin demi kepentingan rakyat negeri ini.

“Saya berharap dengan pasukan baharu ini kita dapat meneruskan apa yang kita sudah lakukan tetapi apa yang paling penting adalah kita akan membuat penilaian semula berdasarkan kepada isu-isu yang dibangkitkan sepanjang kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) lalu,” katanya.

**Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi**

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow

**Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat**

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid

**Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi**

Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo

**Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar**

ADUN Sungai Acheh, Rashidi Zinol

**Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital**

ADUN Tanjong Bunga, Zairil Khir Johari

**Pelancongan dan Ekonomi Kreatif**

ADUN Paya Terubong, Wong Hon Wai

**Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam**

ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim

**Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa**

ADUN Jawi, H'ng Mooi Lye

**Belia, Sukan dan Kesihatan**

ADUN Padang Lalang, Gooi Zi Sen

**Perumahan dan Alam Sekitar**

ADUN Perai, Dato' Seri S. Sundarajoo

**Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi**

ADUN Pantai Jerejak, Fahmi Zainol

# Gerak kumpulan mampu hadapi 11 ADUN pembangkang

**GEORGE TOWN** - "Kita akan bergerak secara berpasukan dalam Kerajaan Perpaduan (Pulau Pinang) ini," respons Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di Dewan Sri Pinang di sini pada 16 Ogos 2023.

Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat itu berkata demikian semasa ditanya mengenai persediaannya bagi mendepani 11 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pembangkang Pulau Pinang yang dalam kalangan Melayu juga.

Selain dirinya, Mohamad memberitahu bahawa Kerajaan Perpaduan Pulau Pinang hari ini masih mempunyai enam ADUN berbangsa Melayu.

Mereka, menurut beliau ialah Zairil Khir Johari (Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital merangkap ADUN Tanjung Bunga); Fahmi Zainol (Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi merangkap ADUN Pantai Jerejak); Rashidi Zinol (ADUN Sungai Acheh merangkap Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar); ADUN Bertam, Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican dan juga Azrul Mahathir Aziz (ADUN Bayan Lepas).

Pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Pulau Pinang Ke-15 baru-baru ini, Mohamad bertanding atas tiket Pakatan Harapan (PH) bagi kerusi N37 Batu Maung dan menang dengan 3,221 majoriti undi.

Sebelum menjadi calon Parti Keadilan Rakyat (PKR)/PH, Mohamad selama hampir empat tahun pernah ditaklifkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang, iaitu sebuah pusat pengajian tinggi milik penuh Kerajaan Negeri.

Sebelum itu, beliau juga pernah menjadi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kedah Darul Aman.

Pernah menjadi ahli akademik selama kira-kira 23 tahun sejak di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mohamad menyatakan bahawa beliau yakin dapat menyumbang sesuatu bagi menjana sokongan rakyat terhadap Kerajaan Perpaduan Pulau Pinang hari ini.

"Dari sudut (portfolio Exco) Pendidikan, Pengajian Tinggi, itu memang bidang saya dalam tempoh 23 tahun (sebagai ahli akademik) sejak di UKM lagi," respons beliau sebagai menjawab soalan wartawan.

Sementara itu, Jagdeep Singh Deo yang juga ADUN Datuk Keramat pula merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow kerana memberikan peluang kepadanya ditaklifkan sebagai Timbalan Ketua Menteri II bagi penggal Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15.

"Ribuan terima kasih kepada Ketua Menteri dan kepimpinan kita (Kerajaan Perpaduan Pulau Pinang) kerana mengiktirafkan saya sebagai Timbalan Ketua Menteri II setelah dua penggal saya menjadi Exco Kerajaan Negeri dan tiga penggal sebagai ADUN Datuk Keramat.

"Saya gembira mengambil cabaran yang baharu ini iaitu suatu portfolio baharu, (Exco) Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.

"Saya dengan rasa penuh rendah diri dengan peluang yang diberikan oleh Ketua Menteri saya dan pasukan (Perpaduan) yang memberikan pengiktirafan ini, selepas 15 tahun (menjadi ADUN), ditaklifkan




**KESEPAKATAN** yang ditunjukkan oleh tiga kepimpinan utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang penggal DUN Ke-15.

sebagai Timbalan Ketua Menteri II.

"Saya menyahut cabaran portfolio Exco yang baharu ini secara positif, ia merupakan perkara penting untuk saya bergerak dengan portfolio

yang baharu selepas saya menjadi Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa (selama dua penggal sebelum ini)," ulasnya lanjut.



# Catat bilangan miskin tegar paling rendah, Pulau Pinang terima pujian PM

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB  
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**BERTAM** - Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata bahawa Pulau Pinang ketika ini mencatatkan jumlah keluarga miskin tegar paling rendah berbanding negeri-negeri lain dalam negara.

Justeru, beliau berharap Kerajaan Negeri diterajui Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sejak penggal Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lepas dapat terus menjalinkan kerjasama erat dengan ‘Kerajaan Perpaduan Malaysia’ bagi menoktahkan isu kemiskinan tegar di Pulau Pinang dalam tahun ini juga.

“Sekarang kita (negara) ada 136,000 keluarga miskin tegar, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang mencatatkan miskin tegar paling rendah di seluruh Malaysia.

“Itu pun, saya berkata kepada Tuan Chow (Kon Yeow), kalau ada 10 keluarga miskin tegar pun, saya nak ditangani dalam tahun ini juga.

“Saya nak isu miskin tegar di negara ini dinoktahkan dalam tahun ini juga,” jelasnya semasa merasmikan Himpunan Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2023 (HUB 2023) di sini pada 5 Ogos 2023.

Turut berucap, Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP), Tan Sri Khalid Ramli.

Selain Kon Yeow, hadir sama, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Zuki Ali; mantan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP); Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Sollehudin Alyubi Zakaria dan Ketua Pengarah Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) JPM, Datuk Sri Wan Ahmad Dahalan Abdul Aziz.



KETUA Menteri dan Perdana Menteri pada Himpunan Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2023 (HUB 2023) di sini baru-baru ini.

**Sekarang kita (negara) ada 136,000 keluarga miskin tegar, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang mencatatkan miskin tegar paling rendah di seluruh Malaysia.**

- Anwar Ibrahim

Semasa berucap, Anwar yang juga Menteri Kewangan menyatakan bahawa teras penganjuran HUB 2023 dengan tema ‘Usahawan Madani, Membangun Ekonomi’ bukan sahaja untuk menoktahkan kemiskinan tegar, bahkan merapatkan jurang antara rakyat terkaya dan kelompok berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) di negara ini.

“Apabila saya bercakap mengenai Ekonomi Madani, yang sebelum itu saya

bercakap Malaysia Madani, terasnya mesti nilai dan akhlak.

“Mercu tanda hebat bagi negara ini bukan sahaja jambatan terpanjang atau bangunan yang tinggi; yang nak dibangunkan itu adalah manusia, maka Ekonomi Madani ini mesti mempunyai sifat manusiawi,” katanya.

Seiringan dengan acara Pelancaran HUB 2023, Anwar memberitahu bahawa Inisiatif Pendigitalan Bumiputera Pulau Pinang (BuDi) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan empat inisiatif berkaitan adalah signifikan bagi membantu usahawan bumiputera dan Melayu di negara ini.

Empat inisiatif permulaan secara komprehensif di bawah BuDi itu, menurut Anwar lagi, adalah meliputi e-pembayaran (*cashless*), e-pemasaran, aplikasi pautan pintar bumiputera dan e-aduan yang akan menjadi pelengkap kepada program MyDigital yang diperkenalkan oleh kerajaan sebelum ini.

“BuDi adalah sejarah dengan Pelan Pembangunan Usahawan 2023-2030

serta Transformasi Pelancongan Mesra Muslim, seterusnya menjadi platform kepada usahawan untuk sama-sama mengambil peluang berkongsi platform ekonomi yang telah disediakan kerajaan.

“BuDi bukansahajadapatmenggalakkan usahawan beralih ke platform digital, malah ia langkah awal dalam membantu peniaga mentransformasikan perniagaan, di samping melonjakkan lagi penggunaan e-pembayaran yang memberi impak secara terus serta menawarkan pelbagai manfaat kepada usahawan dalam tiga aspek iaitu mudah, cepat dan selamat dalam konteks meningkatkan lagi pendapatan mereka secara kaedah hibrid,” ulasnya.

Serentak pada majlis sama, Anwar diiringi Kon Yeow dan barisan pemimpin kerajaan lain turut menyaksikan acara saling bertukar memorandum persefahaman (MOU) di antara Wakaf Pulau Pinang dan JKP Sdn. Bhd. bagi pembangunan tanah wakaf di lokasi strategik terpilih di negeri ini.

Wakaf Pulau Pinang diwakili oleh Ahmad Zakiyuddin sendiri, sementara Khalid mewakili JKP Sdn. Bhd..

Buletin Mutiara difahamkan, Kerajaan Perpaduan Malaysia menerusi Kementerian Kewangan telah menyuntik dana Persekutuan sebanyak RM200 juta untuk tujuan pembangunan tanah wakaf secara berfasa dengan menyasarkan limpahan manfaat besar kepada bumiputera Pulau Pinang, di samping meningkatkan pegangan harta tanah orang-orang Melayu di negara ini.

Tegas Anwar, selagi ditaklifkan sebagai Perdana Menteri, beliau mempunyai tanggungjawab untuk mengerakkan agensi Persekutuan berwajib bagi membantu bumiputera di negeri ini.

“Maka, saya mengambil keputusan untuk meningkatkan semula peranan JKP ini (sebagai agensi pelaksana kepada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, MPBPP),” jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tambun, Perak.

## Capai Dasar Agromakanan Negara bangunkan sektor agromakanan mampan

**PERMATANG PASIR** - Bagi tahun 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyalurkan peruntukan sebanyak RM21,657,195 bagi pelaksanaan program pembangunan sama ada pertanian secara fizikal, pembangunan modal insan serta bantuan khas di negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya menerusi Bajet 2023 menyalurkan sejumlah RM17,355,000 peruntukan pembangunan sektor agromakanan negeri dalam bentuk bantuan infrastruktur berkaitan.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian memperuntukkan RM6.9 juta untuk insentif berkaitan sektor tanaman makanan; bantuan pesawah RM500 seorang berjumlah RM2.46 juta; RM3.72 juta melalui Jabatan Veterinar Negeri untuk sektor penernak; RM2.65 juta projek pembangunan kebun kerang dan RM1.61 juta bantuan pukat kepada nelayan melalui Jabatan Perikanan Negeri.

“Kerajaan Negeri berharap dengan saluran bantuan secara berterusan, ditambah dengan dana dan sokongan daripada agensi kerajaan dan swasta, kita mampu mencapai visi sebagaimana yang

digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN 2.0) untuk membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan serta berteknologi tinggi dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi negeri dan juga negara,” jelasnya semasa berucap dalam Majlis Perasmian Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Pulau Pinang di Lot Kelompok Padi dekat Kampung Sama Gagah di sini pada 9 Ogos 2023.

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian, Nor Sam Alwi turut hadir mewakili Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu. Hadir sama, Pengarah Pertanian Negeri, Mohd. Muhamin Ibrahim yang juga

Pengerusi KPKM Inc. Negeri Pulau Pinang dan beberapa pemimpin Kerajaan Negeri yang lain.

Di samping itu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri dan Pusat hari ini menyedari isu berwajib pada peringkat domestik dan global seperti inflasi dan rencatan bekalan dunia yang didepani oleh rakyat dalam sektor agromakanan di Pulau Pinang.

“(Oleh itu,) Kerajaan komited dan meletakkan perhatian yang serius kepada pemerkaan sektor agromakanan agar dapat kembali pulih, sekali gus memelihara kesejahteraan serta kebajikan rakyat secara keseluruhannya,” ujarnya yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan.

# Persembahan seni pelbagai kaum gamatkan PHF

**S**ELAIN George Town Festival (GTF), Penang Hill Festival (PHF) merupakan acara seni yang amat ditunggu-tunggu para peminat seni tempatan mahupun pelancong antarabangsa.

PHF pada tahun ini lebih bermakna kerana dianjurkan bersama sambutan ke-100 tahun perkhidmatan keretapi Bukit Bendera atau kini dikenali sebagai funikular untuk mengangkat pelancong dari stesen bawah ke puncak mercu tanda Pulau Pinang itu.

Difahamkan, sebelum era funikular, perkhidmatan tandu atau tenaga manusia digunakan bagi mengangkat orang kenamaan untuk naik ke Bukit Bendera.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat menemu ramah beberapa artis yang diundang bagi memeriahkan PHF.

Bagi kumpulan boria terkenal Boria Omara, undangan mereka ke PHF merupakan satu penghormatan besar buat pencinta muzik dan seni warisan negeri Pulau Pinang.



OMAR Hashim.

Pengasasnya, **OMAR HASHIM** melihat PHF sebagai platform terbaik dalam usaha mempromosikan seni warisan boria kepada orang ramai.

“Kerana adakalanya ‘orang-orang baru’ atau generasi muda ada yang tidak kenal boria apatah lagi pernah menonton dan berasa terhibur apabila melihat boria.

“Pada masa sama, Boria Omara juga teruja atas jemputan ini dan berharap agar ia dapat menarik minat para pelancong dari dalam dan luar negara seterusnya keunikian seni boria akan disampaikan pula kepada lebih ramai orang.

“Jadi secara tidak langsung boria akan terus kekal malar segar dan mungkin ada yang akan mencari, mendalamai atau minat belajar boria untuk meneruskan legasi seni ini,” ujarnya yang mula



BARISAN artis yang memeriahkan sambutan PHF.

terlibat dalam persembahan boria sejak di bangku sekolah rendah lagi.

Omar menyatakan bahawa pihaknya perlu menggarap lirik dan persembahan teater pendek berkaitan Bukit Bendera sebagai tema dalam persembahan boria.

“Di Bukit Bendera ini pun sudah beberapa kali kami diundang selain daripada PHF itu sendiri.

“Selain undangan di sini, ada juga pihak stesen televisyen datang untuk buat rakaman memberi publisiti meluas kepada boria,” jelanya yang banyak menjalankan latihan di Seberang Jaya.

Keahlian Boria Omara yang terbuka kepada mereka yang berusia antara 12 hingga 25 tahun membolehkan Omar menambahkan kemeriahan kepada penonton melalui *Ghazal Party*.

“Ramai menganggap *Ghazal Party* sama dengan persembahan ghazal dari Johor, hakikatnya tidak dan terdapat banyak perbezaan sekiranya diteliti daripada persembahan kedua-duanya yang mempunyai kekuatan tersendiri.

“*Ghazal Party* lebih meriah, melawak, menyanyi, pemuzik itu bergabung sekali dalam satu persembahan yang menjadikan persembahan meriah dan terhibur untuk ditonton,” maklum anak kelahiran Bagan dalam sesi temu bual pada 31 Mei lalu.

Sementara itu, *The Musica Sinfonietta Penang Orchestra* (TMSPO) yang dianggotai oleh 40 pemuzik handalan berumur antara 10 hingga 65 tahun juga tidak ketinggalan memeriahkan PHF.

Bagi pemuzik, **MILLE HO SUAN CHENG**, pihaknya diberi peluang membawa 10 lagi gabungan bercirikan kontemporari memandangkan konsep PHF adalah terbuka.

“Kami menggunakan pelbagai alatan muzik dan instrumen sambil diadun dan disesuaikan dengan persekitaran semula jadi di atas bukit.

“Kali ini kami turut membawakan persembahan solo daripada bakat



MILLE Ho Suan Cheng (kiri) dan Ong Bee Lee membawakan persembahan orkestra Cina ke PHF.



R. Kumaran.

muda TMSPO untuk berikan mereka pendedahan dan keyakinan,” maklumnya.

Penganjuran PHF pada tahun ini turut membawa gandingan pemain tabla, **R. KUMARAN** dan pemain alat muzik sitar, **DR. PRAVIN KUMAR**.

Gandingan tersebut berharap untuk membawa keaslian muzik India itu kepada pengunjung yang datang pada PHF.

“Kami akan memastikan kugiran kami dari segi alunan, tempo, berjaya menarik

minat pengunjung yang datang untuk melihat sendiri bagaimana gabungan ini menghasilkan seni muzik yang sedap untuk didengari,” jelas Kumaran yang juga seorang guru muzik.

Persembahan Orkestra Cina turut diberi peluang menghiburkan pengunjung serta pelancong yang mengunjungi PHF 2023.


Menurut pemain muzik **LIU QIN** dan **ADERINE CHEAH**, antara alat muzik yang diketengahkan adalah Dizi, Erhu, Liu Qin dan Zhong Ruan.

“Gandingan alat muzik Pipa dan Xiao bersama alunan lagu Cina klasik, lagu-lagu moden Inggeris dan tema kartun serta filem pastinya menambat hati pengunjung,” ujar mereka.

Selain persembahan seni muzik, forum bertajuk *Penang Hill & Its Vicinity: 100 Years of Wonder* turut diadakan.

Pensyarah Kanan Universiti Sains Malaysia (USM) Dr. Tan Chee Seng, Presiden Penang Tourist Guides Association Clement Liang dan penulis buku Enzo Sim turut ditampilkan sebagai speaker.

# Bosch labur RM1.62 billion bina kilang baharu di Batu Kawan



**KETUA MENTERI** ketika merasmikan pembukaan tapak pengeluaran sokongan semikonduktor berteknologi tinggi Bosch dekat Taman Perindustrian Batu Kawan di sini baru-baru ini.

**BUKIT TAMBUN** — Bosch, pembekal global terkemuka bagi teknologi dan perkhidmatan membuka kilang baharu di Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) melalui pelaburan bernilai kira-kira 350 juta euro atau RM1.62 bilion.

Pelaburan itu membabitkan kemudahan pengeluaran sokongan semikonduktor termaju di Asia untuk pengujian akhir cip dan sensor automotif.

Ahli Lembaga Sektor Mobiliti Bosch, Klaus Maeder berkata bahawa pembukaan tapak pengeluaran itu membolehkan syarikat terus memperkuuh perniagaan semikonduktor dan jejak pembuatannya secara sistematis untuk memenuhi permintaan cip global.

"Semikonduktor adalah kunci kejayaan semua bidang perniagaan Bosch dan tapak pengeluaran sokongan di Pulau Pinang menjadi komponen penting dalam strategi

pertumbuhan dalam sektor mobiliti kerana kami bertindak balas terhadap peningkatan permintaan untuk semikonduktor.

"Kami memilih untuk melabur di Pulau Pinang kerana tahap pengetahuan semikonduktor yang tinggi dan tenaga kerja mahirnya.

"Kedudukan Pulau Pinang yang berdekatan dengan rakan kongsi perniagaan dan pelanggan adalah satu lagi kelebihan kerana ia dapat memendekkan masa dan jarak penghantaran untuk cip.

"Dengan keluasan tanah 100,000 meter (m) persegi, kemudahan di sini akan menumpukan kepada pengeluaran sokongan iaitu pengujian akhir bagi cip yang dikeluarkan di kilang Bosch di Dresden, Jerman," katanya semasa berucap pada masjlis perasmian tapak pengeluaran sokongan semikonduktor berteknologi tinggi itu yang disempurnakan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 1 Ogos lalu.

Turut hadir, Penasihat Pelaburan Khas Ketua Menteri Dato' Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang Dato' Loo Lee Lian dan Ketua Pegawai

Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Arham Abdul Rahman.

Sementara itu, Kon Yeow menzahirkan rasa gembira dengan pembukaan tapak pengeluaran sokongan semikonduktor berteknologi tinggi Bosch di Taman Perindustrian Batu Kawan iaitu kemudahan keempat syarikat itu di negeri ini.

Beliau turut memberikan jaminan bahawa Kerajaan Negeri melalui InvestPenang dan agensi negeri yang berkaitan komited untuk menyediakan kemudahan dan sokongan berterusan kepada pelabur.

"Hubungan rapat Bosch dengan Pulau Pinang dan saling bekerjasama untuk mempercepatkan pembangunan ekosistem elektrik dan elektronik (E&E) Pulau Pinang yang rancak, mengukuhkan statusnya sebagai Lembah Silikon Timur dan dapat memastikan limpahan ekonomi yang bermanfaat untuk Malaysia.

"Oleh itu, pelaburan baharu Bosch ini mencerminkan keyakinan syarikat terhadap teknologinya untuk masa depan," katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

## 19 pemenang peraduan anjuran Buletin Mutiara dimuktamad

Oleh: **NURASHIKIN ISMAIL**  
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** — Senarai 19 pemenang bagi enam pertandingan yang dianjurkan oleh Sidang Redaksi Buletin Mutiara telah dimuktamadkan.

Enam pertandingan tersebut ialah Bakat Si Cilik Mewarna bertemakan 'Teguh Bersama Raya Bermakna'; pertandingan melukis poster bertemakan 'Raya Dirai Masyarakat Madani'; pertandingan vlog bertemakan 'Raya di Penang' & 'Hari Buletin 2.0' (secara dalam talian); serta Silang Kata 'Dari Gabenor ke T.Y.T' membabitkan kolaborasi

bersama Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP) bagi siri keempat.

Penjurian proses pemilihan akhir pada pemenang bagi semua kategori tersebut disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng dan Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), B. Jevartnam.

Ketika ditemui usai penjurian, Yuee Harng menyambut baik usaha yang dilakukan oleh sidang redaksi Buletin Mutiara dan berharap penganjuran peraduan berkaitan sekali gus dapat

mencungkil serta bakat para peserta dalam pelbagai kategori.

"Peserta yang mengambil bahagian dan menang dalam pertandingan tersebut pastinya akan menjadi kenangan yang baik untuk mereka ketika zaman kanak-kanak.

"Kami berharap Buletin Mutiara akan terus menganjurkan pelbagai pertandingan dan menjalankan lebih banyak aktiviti untuk kanak-kanak.

"Penyertaan peraduan berkaitan juga telah



**SEBAHAGIAN** karya yang diterima.

**WONG** Yuee Harng (kiri) dan B. Jevartnam meneliti karya-karya peserta pertandingan melukis poster dan mewarna anjuran Sidang Redaksi Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



menonjolkan perpaduan berbilang kaum bukan sahaja dari negeri ini malah negeri jiran juga amat bertepatan dengan tema Madani dan diharapkan ia kekal berterusan," jelasnya lanjut.

Sementara itu, Jevartnam pula memuji usaha mempromosikan Kerajaan Negeri melalui peraduan menarik seperti ini.

"Mungkin untuk pusingan seterusnya, Buletin Mutiara boleh pula menganjurkan pertandingan seperti menghias

baca yang menjadi warisan kita dek Pulau Pinang terkenal dengan nilai warisannya yang tersendiri.

"Secara tidak langsung, peraduan (Buletin Mutiara) ini berupaya menjadi hab tarikan pelancong dan mampu menambah baik aspek pembangunan untuk setiap kawasan dan sebagainya," tambahnya sambil memuji peraduan berkenaan berjaya menarik penyertaan ramai dengan menampilkan pelbagai elemen kreativiti.

# Kambing Bakaq Tuk Hang taruhan 'seniman' Ajo Mamu

**S**EKALI dengar, pasti orang ramai akan tertanya-tanya dan terdetik dalam hati dengan nama produk komersial ini.

Namun, perniagaan berdasarkan kambing yang diusahakan bukanlah ungkapan kasar dan 'kesat' yang kadang kala memang meniti di bibir masyarakat setempat.

Perniagaan yang dimaksudkan adalah 'Kambing Bakaq Tuk Hang'.

Ajo Mamu (Raja Lawak) atau nama sebenarnya, **WAN AZRUL AZIZAN** yang mengasaskan produk komersial 'sempoi' ini pada tahun 2017.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** baru-baru ini sempat menemu ramah Ajo Mamu ketika pelakon, pelawak dan usahawan tersebut berkunjung ke Komtar baru-baru ini.

"Itulah, pada mulanya sekali dengar nama kedai ini macam kontroversial sikit, tetapi sebenarnya 'kambing bakar untuk hang'."

"Perkataan untuk itu disingkatkan mengikut kesesuaian dialek tempatan dia berbunyi 'tuk', ini bukan tok yang kita selalu panggil di sebelah utara sebagai nenek, tetapi 'untuk hang', " ujarnya membuka bicara.

Ajo Mamu berkata, inspirasi membuka sebuah kedai berdasarkan daging kambing bermula apabila beliau melihat sajian tersebut kerap dihidangkan di majlis-majlis tertentu, tetapi jarang dijumpai pada konsep kedai.

"Dari situ saya bersama-sama seorang lagi sahabat, mencuba untuk membuka kedai berdasarkan hidangan daging kambing yang dipanggil 'Kambing Bakaq Tuk Hang' di tapak penjaja sementara (TPS) Relau, (berhampiran kedai perkakasan rumah IKA).

"Selain daripada kambing bakar, kami juga sediakan menu burger kambing, yang mana ia antara menjadi menu utama, ada juga bebola daging, *sausage* kambing dan kami juga perkenalkan kambing goreng, menu ramen (mi segera) dan bermacam-macam lagi.

"Masakan ala barat juga tidak ketinggalan dan mandapat sambutan yang hebat," ulasnya yang turut berbakat dalam arena teater selain bidang komedi.

Bercakap mengenai sambutan, Ajo Mamu menyatakan bahawa semuanya bergantung kepada keadaan.

"Saya pun faham kambing ini merupakan barang yang agak mahal juga, jadi kedatangan pengunjung ke kedai ini pun ada masa kurang, ada masa ramai,



**SALAH** satu produk yang memperoleh permintaan tinggi.

selalunya hujung bulan, awal bulan masa gaji memang jualan kasar lebih sikit daripada biasa," maklumnya yang turut berbakat dalam bidang pengacaraan.

Melakukan lebih daripada satu kerja pada era ini bukanlah suatu perkara yang asing dan Ajo Mamu tidak terkecuali daripada mengalami cabaran tersebut.

"Saya pun buat 'emcee' (pengacara majlis) juga di majlis-majlis rasmi, korporat, kerajaan, USM (Universiti Sains Malaysia), termasuk syarikat-syarikat swasta.

"Apabila melibatkan bidang seni adakalanya perlu turun ke Kuala Lumpur, jadi pembahagian masa itu perlu diatur dengan baik untuk menguruskan kedai dan karier.

"Mujur rakan kongsi dan kakitangan yang ada boleh diharap, jadi kalau ke Kuala Lumpur untuk menguruskan karier seni pun kedai masih mampu diuruskan dengan baik," jelasnya lanjut.

Sejak memulakan perniagaan pada tahun 2017, Ajo Mamu turut pernah diuji pada tahun sama apabila ribut yang melanda Pulau Pinang sama



**WAN** Azrul Azizan atau lebih dikenali sebagai Ajo Mamu.

sekali memusnahkan bumbung kedainya dan mengalami kerugian lebih daripada RM10,000.

Perkara tersebut menjadi penguat semangat dalam menguji beliau yang baru setahun jagung bertapak dalam industri makanan dan minuman itu.

Bercakap mengenai hala tuju Kambing Bakaq Tuk Hang, Ajo Mamu belum bercadang menambah cawangan lain di luar Pulau Pinang.

"Bagi menambah francais pun bukanlah satu perkara yang mudah, kita boleh tengok ada beberapa kedai yang cuba menambah cawangan dengan cepat, namun telah menjadi liabiliti kepada pemilik, akhirnya terpaksa ditutup sebahagian daripadanya.

"Jadi risiko itu terlalu tinggi dan boleh menyebabkan kerugian seterusnya pekerja kita akan kehilangan kerja, itu antara perkara yang mahu kita elakkan.

"Dari situ segala tindakan perlulah dilakukan dengan berhati-hati dan kajian mendalam terlebih dahulu," katanya menutup bicara.

Bagi yang berminat menjamu selera di Kambing Bakaq Tuk Hang, kedai dibuka setiap hari dari jam 7 petang hingga 12 malam kecuali hari Jumaat. Keterangan lanjut boleh hubungi talian 011 – 287 62675.



**SAJIAN** yang menjadi tarikan.



# Hasil *recycle*, *upcycle* bantu komuniti perlu

**M**ULA ditubuhkan pada tahun 2017, Pusat Latihan dan Pameran *Upcycle* Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah menjadi satu-satunya pusat *upcycle* di kawasan Simpang Ampat yang masih aktif sehingga kini.

Sehingga kini, pelbagai anugerah dan kemenangan telah diraih oleh Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah di atas gerak kerja proaktif ahli-ahlinya dalam melaksanakan program *recycle* dan *upcycle*.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara berpeluang menemu bual Pengerusi Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah, **TAN CHOR SOON** untuk melihat sejauh mana usaha mereka dalam meneruskan aktiviti berkaitan.

Memulakan bicara, Chor Soon memberitahu bahawa penubuhan Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah pada asalnya adalah untuk membantu pihak berkuasa menangani isu-isu keselamatan di kawasan komuniti setempat.

Namun begitu menurut beliau, bagi memenuhi tuntutan komuniti setempat, peranan Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah kemudiannya ditukar kepada aktiviti *recycle* selepas Pusat Sumber Alam

Sekitar ditubuhkan di Taman Puteri Gunung pada tahun 2010.

“Kegiatan utama kami ialah mengumpul barang-barang kitar semula dan menjualnya semula yang mana pada tahun 2010 kami berjaya mengumpul hasil berjumlah RM4,926 dan meningkat kepada RM8,757 pada tahun 2011.

“Barangan *recycle* biasanya kami dapat daripada kilang-kilang di sekitar Simpang Ampat selain sumbangan oleh ahli-ahli persatuan kami sendiri.

“Hasil jualan yang diperoleh oleh pusat ini selain daripada digunakan untuk menampung aspek pengurusan persatuan, Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah juga menjalankan kerja amal dengan memberi sumbangan kepada pelajar miskin di sekolah sekitar Simpang Ampat,” katanya kepada wartawan **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **MUHAMAD AMIR**.



AHLI-ahli jawatankuasa menunjukkan produk yang dihasilkan.



ANTARA produk *upcycle* yang dihasilkan.

lagi menggunakan kertas, pembungkus kertas, pembungkus plastik, kotak minuman serta kain.

“Disebabkan proses menghasilkan barang *upcycle* mengambil masa yang lama terutamanya untuk proses melipat dan memotong, maka penglibatan warga emas sangat sesuai kerana mereka mempunyai banyak masa terluang untuk dihabiskan di sini.

“Selain mengisi masa terluang, penglibatan warga emas juga secara tidak langsung dapat membantu mereka mengamalkan gaya hidup aktif dan paling penting mereka masih mampu menyumbang sesuatu kepada masyarakat.

## Penubuhan Pusat Latihan *Upcycle*

Susulan kejayaan program *recycle*, Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah kemudiannya menubuhkan Pusat Latihan dan Pameran *Upcycle* pada tahun 2017 bagi tujuan mengembangkan lagi peranan pertubuhan berkaitan.

Chor Soon menyatakan bahawa seramai 120 orang ahli terdiri daripada wanita warga emas telah diajar kemahiran menghasilkan produk *upcycle* seperti beg, bunga plastik, replika haiwan dan banyak



PUSAT Latihan dan Pameran *Upcycle* Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah yang terletak di Taman Puteri Gunung.

(Sambungan di muka 14).

# Taska D'Komtar 2.0 penuhi kapasiti senarai menunggu

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**

Gambar : **LAW SUUN TING**

**M**ULA beroperasi pada tahun 2014, Taska D'Komtar menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang pertama untuk penjawat awam di Komtar.

Bertitik tolak dari kejayaan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada tahun ini telah membina sebuah taska baharu bagi tujuan sama dek ingin memenuhi kapasiti senarai menunggu yang saban tahun kian meningkat.

Buletin Mutiara baru-baru ini berkesempatan menemu bual Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, **ONG BEE LENG** berhubung inisiatif serta usaha pembinaan Taska D'Komtar 2.0 berkenaan.

Menurut Bee Leng, penubuhan Taska D' Komtar 2.0 merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak PDC dek tajaan keseluruhan kos pengubahsuaian.

“Bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat, PDC turut menaja pengubahsuaian dua lot kedai di Komtar dan telah melabur sebanyak RM150,000 bagi melaksanakan projek pembinaan taska baharu ini.

“Antara kerja-kerja dan yang dijalankan merangkumi bilik-bilik keperluan, memasang kemasan lantai, siling baru, dinding, kerja-kerja perpaipan untuk tambahan tandas dan pantri mengikut spesifikasi yang diperlukan untuk sebuah taska.

“Di samping itu, banyak juga kekangan yang dihadapi semasa perancangan membina taska ini antaranya pada aspek bekalan air, kondisi bangunan yang sudah lama dan lain-lain lagi,”



**ONG BEE LENG.**

ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Bee Leng turut memaklumkan bahawa penubuhan taska tersebut juga adalah seiring dengan permintaan ibu bapa yang inginkan ‘sebuah’ lagi pusat jagaan.

“Kerajaan Negeri juga prihatin akan kepentingan mewujudkan taska yang juga selari dengan keperluan ibu atau bapa yang bekerja terutamanya penjawat awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta lain-lain agensi di bawahnya.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk membina Taska D'Komtar 2.0 dalam usaha memastikan kanak-kanak di Pulau Pinang memperoleh penjagaan yang terbaik.

“Malah, pada masa sama adalah menjadi tanggungjawab pihak PWDC untuk memantau dan menilai prestasi taska bersama-sama pihak operator,” ujarnya.

Buletin Mutiara difahamkan, lot bagi Taska D'Komtar 2.0 adalah terletak di unit 2B 4.16 dan unit 2B 4.17 Podium B, dengan jumlah keluasan 1,895 kaki persegi yang juga bersebelahan dengan taska asal di Aras 4.

Mengulas lanjut, Bee Leng turut menyatakan bahawa pusat taska baharu itu bakal mempunyai kapasiti seramai



**PINTU masuk Taska D'Komtar 2.0.**



**REKA bentuk dalaman.**

awam dan juga swasta untuk mewujudkan sebuah pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja supaya lebih ramai ibu boleh bekerja.

(Sambungan di muka 9).



**MAJLIS perasmian Taska D'Komtar 2.0 yang disempurnakan oleh mantan Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng (dua dari kiri).**

# Feri revolusi baru limpah manfaat berantai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & M. VEKENESVARAN**

**GEORGE TOWN** - Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak sendiri berkenan merasmikan Majlis Pelancaran Perkhidmatan Operasi Feri Baharu Pulau Pinang dekat Pangkalan Raja Tun Uda di sini pada 17 Ogos 2023.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya berharap pengoperasian pengangkutan ikonik negeri itu sekali gus menambah baik mod pengangkutan serta meningkatkan ketercapaian jaringan sistem pengangkutan udara, darat dan juga air di Pulau Pinang.

"Selain menjadi ikon Pulau Pinang, perkhidmatan feri revolusi baharu ini merupakan mod pengangkutan penting yang menghubungkan bahagian Seberang Perai dan pulau negeri ini.

"Pada aspek sektor pelancongan, ia juga amat berkait rapat yang mana selain perkhidmatan lebih selesa, jaringan serta tempoh masa perjalanan yang singkat bakal memainkan peranan lebih signifikan terutamanya dalam mempelbagai serta memperkenalkan dengan lebih meluas produk-produk tarikan yang terdapat di Seberang Perai khasnya," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan dalam majlis berkaitan.



**KETUA MENTERI bersama-sama TYT (barisan depan, dua dari kanan), Menteri Pengangkutan (barisan depan, kanan sekali) dan para kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenang-kenangan ketika mencuba perkhidmatan feri baharu dekat Pangkalan Raja Tun Uda di sini baru-baru ini.**

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa pengoperasian perkhidmatan feri baharu negeri tersebut turut akan melimpahkan manfaat berantai kepada komuniti lokal iaitu dalam bentuk peluang pekerjaan serta usahawan dalam sektor peruncitan yang sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi rakyat.

Selain itu, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook yang juga Ahli Parlimen Seremban, Negeri Sembilan kerana sentiasa memberikan perhatian khas kepada agenda pembangunan jaringan pengangkutan di Pulau Pinang.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu bahawa pentadbirannya berharap kerjasama lebih erat dengan Kerajaan Perpaduan Malaysia

peringkat Persekutuan dalam menyegerakan pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan (LRT) George Town ke Bayan Lepas.

"Saya percaya dan yakin kolaborasi sedia terjalin ini mampu dieratkan lagi terutamanya dalam merealisasikan pembinaan projek LRT dan 'Silicon Island' yang ditunggu-tunggu oleh seluruh lapisan rakyat negeri ini," ujarnya.

Sehubungan itu, Kon Yeow memberitahu bahawa segala usaha menambah baik jaringan serta mod pengangkutan awam negeri dalam tempoh penggal pentadbiran Pilihan Raya Negeri (PRN) Pulau Pinang Ke-15 selama lima tahun ini adalah selari dengan Visi Penang2030.

Berucap sebelum itu, Siew Fook berkata bahawa Kerajaan Perpaduan Malaysia hari ini akan terus meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam mengikut perubahan semasa serta berdasarkan keperluan rakyat teramai.

Menurut beliau, Kerajaan Persekutuan dalam pada itu turut komited dalam membantu Kerajaan Negeri Perpaduan Pulau Pinang demi merapatkan jurang pembangunan infrastruktur berkaitan sektor pengangkutan antara bahagian pulau dan bahagian Seberang Perai.

"Matlamat Kerajaan (Persekutuan) adalah untuk menyediakan (mod) pengangkutan (awam) yang efisien, kondusif dan selamat dalam menyokong aktiviti ekonomi serta mobiliti rakyat.

"Pengoperasian feri baharu ini adalah contoh nyata bagaimana kita (Kerajaan Perpaduan

Turut berucap, Pengurus Penang Port Sdn. Bhd., Dato' Syed Mohamad Syed Murtaza.

Dalam sidang media selepas itu, Siew Fook sekali lagi menjelaskan bahawa pengoperasian empat unit feri baharu Pulau Pinang setakat ini adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan penumpang harian.

Justeru, beliau sekali lagi menyatakan bahawa kementeriannya tiada masalah sekiranya salah sebuah feri baharu itu dijadikan 'feri sewaan' jika ada permintaan daripada mana-mana pihak.

"Kalau ikut perangkaan, kita empat feri (baharu) dan itu sangat mencukupi, malah ada lebihan dan salah sebuah feri itu boleh digunakan sebagai produk pelancongan.

"Terpulang kepada pihak operator iaitu Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB), mereka ada perancangan untuk menyediakan perkhidmatan feri sewaan.

"Jadi, mana-mana pihak swasta atau syarikat korporat atau individu yang mahu menyewa (feri baharu) untuk majlis keraian atau majlis tertutup ataupun acara permukiman pekerja mereka ataupun untuk ejen pelancongan yang mahu membawa kumpulan pelancongan belayar di Pulau Pinang, feri (baharu) boleh ditempah," jelasnya.

(Sambungan dari muka 8).

## Suntik inspirasi kepada sektor swasta

"Statistik telah menunjukkan bahawa kadar tenaga buruh wanita menurun secara drastik apabila sudah melahirkan anak ekoran ketidaaan penjaga serta yuran pusat jagaan di luar kemampuan.

